



SIARAN MEDIA

MEDIA RELEASE

**INDEKS JUALAN RUNCIT
DAN
INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN
SUKU TAHUN KETIGA 2023**

*RETAIL SALES INDEX
AND
FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX
THIRD QUARTER 2023*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam*



SIARAN MEDIA

JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

INDEKS JUALAN RUNCIT DAN INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN SUKU TAHUN KETIGA 2023

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jualan Perkhidmatan Makanan Dan Minuman Mencatatkan Peningkatan Tahun Ke Tahun Pada Suku Tahun Ketiga 2023

1. Pada suku tahun ketiga (Q3) 2023, jualan perkhidmatan makanan dan minuman telah meningkat sebanyak 7.1 peratus berbanding Q3 2022 dengan hasil jualan meningkat daripada BND107.4 juta kepada BND114.9 juta. Dari segi volum jualan, aktiviti makanan dan minuman juga mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 5.4 peratus tahun-ke-tahun yang menunjukkan peningkatan permintaan domestik.
2. Peningkatan hasil jualan makanan dan minuman adalah disebabkan oleh kenaikan bagi kesemua aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman iaitu Aktiviti Perkhidmatan Katering sebanyak 15.0 peratus, diikuti dengan Aktiviti Lain-Lain Perkhidmatan Makanan 14.6 peratus; Restoran 6.1 peratus; Kedai Makanan Segera 5.1 peratus; dan Aktiviti Penyajian Minuman 3.3 peratus.
3. Bagi perbandingan secara suku tahunan, nilai dan volum jualan perkhidmatan makanan dan minuman juga telah mencatatkan peningkatan berbanding dengan suku tahun kedua (Q2) 2023. Nilai jualan perkhidmatan makanan dan minuman telah meningkat sebanyak 2.9 peratus pada suku tahun ketiga (Q3) 2023 yang didorong oleh peningkatan hasil jualan bagi Kedai Makanan Segera sebanyak 6.6 peratus; Aktiviti Perkhidmatan Katering 3.8 peratus; Restoran 2.7 peratus; dan Aktiviti Lain-Lain Perkhidmatan Makanan 0.2 peratus.

Prestasi Jualan Runcit Mencatatkan Penurunan Tahun Ke Tahun Pada Suku Tahun Ketiga 2023

4. Bagi prestasi jualan runcit, ianya mencatatkan penurunan tahun-ke-tahun sebanyak 3.2 peratus dengan hasil jualan menurun daripada BND429.8 juta kepada BND416.1 juta. Dari segi volum jualan, aktiviti jualan runcit juga mencatatkan pertumbuhan yang negatif sebanyak 3.3 peratus tahun-ke-tahun yang menunjukkan kekurangan permintaan domestik.
5. Penurunan hasil jualan runcit adalah didorong terutamanya oleh penurunan jualan Barangan Farmaseutikal dan Perubatan, Kosmetik dan Barang Mandian di kedai khusus sebanyak 20.9 peratus, diikuti dengan jualan Jam Tangan dan Barang Kemas 17.5 peratus; jualan Perkakasan, Cat dan Kaca di kedai khusus 7.7 peratus; dan jualan di Gedung Serbaneka 5.8 peratus.
6. Walau bagaimanapun, beberapa aktiviti jualan runcit telah menunjukkan peningkatan terutamanya jualan Makanan Dan Minuman di kedai khusus sebanyak 11.4 peratus, diikuti dengan jualan Peralatan Elektrik dan Peralatan Pencahayaan Isi Rumah di kedai khusus 10.7 peratus; jualan di Stesen Minyak 6.7 peratus; jualan Peralatan Komputer dan Telekomunikasi 6.0 peratus; dan jualan di Pasaraya 1.0 peratus.
7. Bagi perbandingan secara suku tahunan, nilai dan volum jualan runcit pada suku tahun ketiga (Q3) 2023 juga telah mencatatkan penurunan berbanding dengan suku tahun kedua (Q2) 2023. Nilai jualan runcit telah menurun sebanyak 7.0 peratus terutamanya didorong oleh penurunan jualan Tekstil, Pakaian dan Kasut sebanyak 29.9 peratus; diikuti dengan jualan Jam Tangan dan Barang Kemas 14.9 peratus; jualan di Gedung Serbaneka 11.4 peratus; jualan Peralatan Elektrik dan Peralatan Pencahayaan Isi Rumah di kedai khusus 9.9 peratus; dan jualan di Pasaraya 3.8 peratus.
8. Indeks Jualan Runcit dan Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman adalah petunjuk awal prestasi ekonomi bagi kedua-dua aktiviti dan memberikan gambaran trend perbelanjaan pengguna di Negara Brunei Darussalam bagi setiap suku tahunan. Laporan penuh bagi kedua-dua aktiviti boleh didapati melalui laman sesawang JPES: <https://deps.mofe.gov.bn>.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

RETAIL SALES INDEX AND FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX
THIRD QUARTER 2023

BRUNEI DARUSSALAM

Food And Beverage Services Sales Recorded A Year-On-Year Increase In Third Quarter 2023

1. *In the third quarter (Q3) 2023, sales of food and beverage services increased by 7.1 per cent compared to Q3 2022, with sales revenue increased from BND107.4 million to BND114.9 million. In terms of volume, food and beverages activity also recorded a positive growth of 5.4 per cent year-on-year indicating an increase in domestic demand.*
2. *The increase in sales revenue of food and beverage was attributed to the rise in all food and beverages services activities, namely Catering Service Activities increased by 15.0 per cent, followed by Other Food Service Activities 14.6 per cent; Restaurants 6.1 per cent; Fast-Food Outlets 5.1 per cent; and Beverage Serving Activities 3.3 per cent.*
3. *For quarterly comparison, the sales value and volume of food and beverage services have also increased compared to the second quarter (Q2) of 2023. The sales value of food and beverage services increased by 2.9 per cent in Q3 2023 due to the increase in sales revenue of Fast-Food Outlets 6.6 per cent; Catering Service Activities 3.8 per cent; Restaurants 2.7 per cent; and Other Food Service Activities by 0.2 per cent.*

Retail Sales Performance Recorded A Year-On-Year Decline In Third Quarter 2023

4. *As for retail sales performance, a year-on-year decrease of 3.2 per cent was recorded, with sales revenue decreased from BND429.8 million to BND416.1 million. In terms of volume, retail sales activity also recorded a negative growth of 3.3 per cent year-on-year indicating a fall in domestic demand.*
5. *The decrease in sales revenue of retail sales was mainly attributed to the decline in sales of Pharmaceutical and Medical Goods, Cosmetic and Toilet Articles in specialized stores by 20.9 per cent; followed by sales of Watches and Jewellery 17.5 per cent; sales of Hardware, Paints and Glass in specialized stores 7.7 per cent; and sales at Department Store 5.8 per cent.*
6. *However, several retail sales activities showed an increase mainly in sales of Food and Beverages in specialized stores by 11.4 per cent; followed by sales of Electrical Household Appliances and Lighting Equipment in specialized stores 10.7 per cent; sales at Petrol Station 6.7 per cent; sales of Computer and Telecommunications Equipment 6.0 per cent; and sales at Supermarket 1.0 per cent.*
7. *For quarterly comparison, the retail sales value and volume in Q3 2023 also decreased compared to the second quarter (Q2) of 2023. The retail sales value decreased by 7.0 per cent, mainly driven by a decrease in the sales of Textiles, Wearing Apparel and Footwear by 29.9 per cent; followed by sales of Watches and Jewellery 14.9 per cent; sales at Department Store 11.4 per cent; sales of Electrical Household Appliances and Lighting Equipment in specialized stores 9.9 per cent; and sales at Supermarket 3.8 per cent.*
8. *Retail Sales Index (RSI) and Food & Beverages Services Index (F&BSI) are preliminary indicators of economic performance for both activities and provide an outlook for consumer spending trends in Brunei Darussalam on a quarterly basis. Full reports of both activities are available from DEPS's website: <https://deps.mofe.gov.bn>.*